

Karpal: PKR perlu beri laluan pada DAP
Malaysiakini.com
March 21, 2007

Pengerusi DAP, Karpal Singh berkata DAP mempunyai peluang terbaik untuk mencabar Barisan Nasional (BN) dalam pilihanraya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Machap di Melaka pada 12 April ini.

Oleh itu, katanya, Parti Keadilan Rakyat (PKR) perlu memberi laluan kepada DAP untuk bertanding dalam pilihanraya kecil tersebut.

Menurut laporan Bernama, Karpal memberitahu pemberita demikian di bangunan Parlimen hari ini sewaktu mengesahkan DAP akan meletakkan calonnya bertanding dalam pilihanraya berkenaan.

Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) hari ini mengumumkan 3 April sebagai tarikh penamaan calon dan 12 April sebagai hari mengundi bagi mengisi kekosongan kerusi itu ekoran kematian Datuk Wira Poh Ah Tiam, 55, dari BN pada 15 Mac lalu akibat sakit buah pinggang.

Dalam pilihanraya umum 2004, Poh menewaskan calon DAP Liou Chen Kuang dengan kelebihan 4,562 undi.

PKR turut menyatakan hasratnya untuk meletakkan calon dalam pilihanraya kecil di Machap itu.

Biro politik

Dalam kenyataannya hari ini, Presiden PKR, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail berkata partinya berminat untuk bertanding di situ dan berusaha untuk memastikan kemenangan pembangkang.

"Demi semangat perpaduan, kami akan terus berunding dengan rakan pembangkang yang lain," tambahnya.

Biro politik PKR akan bermesyuarat malam ini untuk berbincang mengenai pilihanraya kecil di Melaka itu.

Wan Azizah berkata, beliau yakin parti-parti pembangkang akan dapat menyelesaikan isu-isu yang berbangkit secara baik "supaya calon yang terbaik diletakkan bertanding untuk memberi tentangan hebat kepada BN.

"Ini merupakan satu peluang keemasan bagi kita memperkuatkan lagi kerjasama, menguji jentera kita dan mewujudkan satu lonjakan untuk menghadapi pilihanraya umum akan datang," katanya.

Beliau juga berkata, PKR komited untuk berusaha menjamin kemenangan pembangkang, tidak kira siapa juga yang dicalonkan.

Pemimpin kedua-dua parti berkenaan dilaporkan terbabit dalam 'perang mulut' dalam media bahasa Cina berhubung isu tersebut sejak beberapa hari yang lalu.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/64850>